

## *"PEMBANTU TADBIR BANGKIT"*

*20 November 2025*

**Hari Pembantu Tadbir Negeri Perak 2025.**
Syukur alhamdulillah,
teramai, terkesan, terkesima dan terbaik.
Terima kasih AUEGCAS Perak dan semua yang hadir.

## Penganugerahan PINGAT KEBESARAN *Tahun 2025*

### DYMM Sultan Perak Darul Ridzuan

Tahniah YB Dato' Sivanesan Achalingam, EXCO Kerajaan Perak Darul Ridzuan diatas penganugerahan pingat kebesaran **DYMM Sultan Perak Darul Ridzuan** Tahun 2025. Selayaknya YB Dato' dianugerah darjah kebesaran ini atas khidmat bakti kepada kesatuan sekerja dan warganya diperingkat negeri dan kebangsaan.

*14 November 2025*




## 'Perjuangan Gred 1 ke 5'







## *Sambutan Hari Pembantu Tadbir*

*9 November 2025*

AUEGCAS Malaysia diberikan penghormatan berucap oleh Sdra Amir Hamzah bin Hj Yakat Ali, Setiausaha Agung AUEGCAS merangkap PSU Gred Kewangan CUEPACS, PSU Klasifikasi Gred Kewangan MBK AM Pelaksana.

*30 November 2025*

## Bengkel Pemerkasaan Kertas Kerja Bagi Gred Ekonomi dan Pertanian CUEPACS Malaysia



*9 November 2025*

Dihadiri oleh Sdra Amir Hamzah Hj Yakat Ali, PSU Gred Kewangan merangkap Setiausaha Agung AUEGCAS atas jemputan bersama.



## Mesyuarat JKT CUEPACS 2025

Dihadiri oleh
Sdra Amir Hamzah Hj Yakat Ali,
PSU Gred Kewangan merangkap
Setiausaha Agung AUEGCAS

*7 November 2025*

## Bengkel Wanita Madani CUEPACS *Tahun 2025*





*7 November 2025*

AUEGCAS Malaysia diwakili oleh Sdri Norafida (Setiausaha Negeri Johor) dan Sdri Nur Siti Mariam(Setiausaha Negeri Selangor) serta AJK Cawangan

## Mesyuarat MBK AM Pelaksanaan *Tahun 2025*

*30 Oktober 2025*







Dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Wan Ahmad Dahalan, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia.

Kesemua pembentangan di terima dan dikumpul untuk penambahbaikan akan datang

## 'CUEPACS Kemuka Tiga Opsyen Penambahbaikan Skim Pembantu Tadbir Kepada JPA'

*18 Oktober 2025*




Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Datuk Dr Adnan Mat

IPOH, 18 Okt (Bernama) -- Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) mengemukakan **tiga opsyen** kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi memastikan skim Pembantu Tadbir Operasi dan Kewangan N1 ditambah baik serta seiring kelayakan semasa penjawat awam berkenaan.

Presiden CUEPACS Datuk Dr Adnan Mat berkata **opsyen pertama** ialah menjumudkan skim Pembantu Tadbir sedia ada dan menyelaraskannya terus di bawah gred N5, sebagaimana pelarasan beberapa skim lain yang telah dilaksanakan menerusi semakan terdahulu.

Adnan berkata untuk **opsyen kedua** ialah penambahbaikan boleh dibuat melalui kenaikan secara sekali sahaja atau one-off ke gred N5 bagi mereka yang memiliki kelayakan akademik lebih tinggi, selaras pendekatan Pekeliling Perkhidmatan Bil 1 Tahun 2016.

**"Opsyen ketiga** pula memberi laluan kenaikan gred secara automatik kepada N5 selepas penjawat dalam skim ini berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun dalam N1, sebelum waran gred berkenaan kembali ke asal selepas persaraan," katanya.

*28 September 2025*

## Persidangan Perwakilan Tri-Tahunan AUEGCAS Kali Ke-13 Sesi (2025-2028)



Persidangan Perwakilan Tri-Tahunan AUEGCAS Kali Ke-13 Sesi (2025-2028) telah dirasmikan penutupannya oleh YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Dr. Wan Ismail, Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur dengan jayanya.




## Barisan Kepimpinan Utama AUEGCAS Malaysia Sesi 2025-2028

## 'Sekalung Budi, Sejambak Kasih'

Telah berlangsung dengan jayanya Majlis Apreasiasi, Sekalung Budi Sejambak Kasih sempena Persidangan Perwakilan AUEGCAS Kali Ke-13 Sesi (2025-2028) yang telah dirasmikan oleh YBrs. Puan Anita binti Ahmad, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS).







*27 September 2025*









5 Julai 2025

Sesi Libat Urus Bersama Pn. Noorlida Abd Khalid, Timbalan Akauntan Negara (Operasi) dan Mesyuarat Gred Kewangan Bil. 6 Sesi 2022-2025. AUEGCAS Malaysia diwakili oleh Sdra Amir Hamzah Hj Yakat Ali, Sdra Mohd Khuzaini Farhan Abd. Aziz, Sdra Noor Hisyam Abd. Halim, Sdra Haziri Rahizal Abd. Rahim dan Sdri Norizan.

# CUEPACS CADANG KERAJAAN TELITI SEMULA SKIM PEMBANTU TADBIR



22 Ogos 2025

Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) mencadangkan kerajaan untuk meneliti semula skim perkhidmatan Pembantu Tadbir yang disifatkan masih ketinggalan berbanding skim lain di bawah Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA).

# *Transformasi Ahli Kesatuan Sekerja Cemerlang*

16 Ogos 2025







Kursus Transformasi Ahli Kesatuan Sekerja Cemerlang Negeri Kelantan dan Majlis Makan Malam AUEGCAS Kelantan.

# Sesi Libat Urus Bersama JPA

14 Ogos 2025







**Sesi Libat Urus Bersama JPA Berkaitan Cadangan Peningkatan Umur Persaraan. AUEGCAS Malaysia tetap dengan pendirian agar kerajaan mengekal umur persaraan asal 55, 56, 58 dan 60 tahun dengan cadangan baru dikurangkan lagi ke umur 50 tahun serta dibayar terus pencen bulanan, ganjaran dan gantian cuti. AUEGCAS Malaysia diwakili oleh Sdra Amir Hamzah Hj Yakat Ali, Setiausaha Agung dan Sdra Mohd Salehuddin Mahmoid, Naib Presiden Timur merangkap Pengerusi AUEGCAS Negeri Kelantan.**

---

1 Julai 2025

## AUEGCAS Malaysia ‘mencari titik noktah tuntutan’

**Usaha berterusan AUEGCAS Malaysia mencari titik noktah tuntutan. Menyatakan hasrat, keinginan, serta membincangkan perkara berkaitan tuntutan AUEGCAS, mewakili ahli di seluruh Malaysia.**

**Sama² doakan Skim Pembantu Tadbir diiktiraf sesuai dengan tanggungjawab yang di amanahkan.**

**Sesi pagi, kunjung hormat Majlis Tertinggi AUEGCAS kepada YAB Perdana Menteri Malaysia, disantuni oleh Pegawai Khas SU Politik beliau, En. Fikri Khalid.**







# Apa itu Persidangan ILO?



4 Jun 2025

**Persidangan ILO atau Persidangan Buruh Antarabangsa (International Labour Conference - ILC) adalah sebuah pertemuan tahunan yang dianjurkan oleh Organisasi Perburuhan Antarabangsa (International Labour Organization - ILO). Dalam persidangan ini, pelbagai pihak yang terlibat, termasuk pemerintah, wakil pengusaha dan wakil pekerja berkumpul untuk membahas isu-isu berkaitan pekerjaan, tenaga kerja dan perburuhan.**

# *#MartabatSkim DibawahKesatuan*

**Majlis Penyerahan Bantuan Program Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (PHEKS) Tahun 2025. Alhamdulillah, saban tahun AUEGCAS HQ mendapatkan bantuan. AUEGCAS Malaysia diwakili oleh Sdra Asman Hj Mohd Nawawi, Presiden dan Sdri Suraya Ibrahim Bendahari Pusat. Terima kasih JHEKS Selangor/Wilayah.**



23 Mei 2025

2 Ogos 2025

# Persidangan Perwakilan Khas MTUC Sesi 2025-2027

**Persidangan Perwakilan Khas MTUC Sesi 2025-2027 berlangsung selama 2 hari mulai 2 & 3 Ogos 2024 bertempat di IDCC Shah Alam, Selangor**






















# *Akta Kesatuan Sekerja 1959*

17 Julai 2025

**Taklimat Akta Kesatuan Sekerja 1959 Pasca Pindaan Tahun 2024 dan Sesi Perkongsian Pengalaman Dan Cabaran Berkesatuan. Tahniah buat Sdra Amir Hamzah Hj Yakat Amir Ali Amir Hamzah Ali, Setiausaha Agung AUEGCAS Kebangsaan yang dijemput sebagai penceramah. Terima kasih Puan Joana, Pengarah JHEKs Negeri Perak.**

# SAMBUTAN HARI WANITA SEDUNIA CUEPACS 2025

*'Wanita Beraspirasi, Membina Legasi'*

*18 Mei 2025*







## Penyampaian PHEKs Zon Timur

**Alhamdulillah AUEGCAS Pahang dan Kelantan menerima bantuan. Tahniah dan terima kasih JHEKS Pahang dan JHEKS Putrajaya.**

*23 Mei 2025*



## AUEGCAS harap JPA kemuka tempoh masa kajian Fasa 2 SSPA

*10 Mac 2025*

**"Kami selaku pembantu tadbir (PT) seluruh negara masih terkesan tentang penambahbaikan yang diharapkan dalam SSPA seperti dijanjikan pada Fasa 2 di mana kami ternanti-nanti 'time frame' (jangka masa) yang dibuat oleh JPA.**

**"Kali terakhir saya bersama presiden kesatuan-kesatuan lain berhubung dengan JPA pada 21 Februari lalu di mana kami dijanjikan akan dibuat semakan semula tentang skim PT ini di mana ketika itu pertemuan dipengerusikan oleh Datuk Dr Anesee.**

**"Jadi kami mengharapkan pertukaran pegawai atasan JPA tidak melepaskan tanggungjawab menyelesaikan isu pembantu tadbir yang perlu dibuat dan diteruskan mengikut 'time frame'. Kalau boleh jangan lama sangat kerana sudah lama kami nantikan," katanya.**

---

*1 Mei 2025*

## Taklimat Kempen Penstrukturan Semula Kewangan Peribadi Penjawat Awam Bersama CUEPACS







## Kajian Penyelidikan Cuepacs - Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam Tahun 2025

*11 April 2025*

AUEGCAS Malaysia diwakili oleh Sdra Amir Hamzah Ali / Amir Ali Setiausaha Agung merangkap Pen.Setiausaha Gred Kewangan CUEPACS Kebangsaan. Task yang dibawa memperkasakan peranan Pegawai atau ahli kesatuan didalam jabatan.



## Mesyuarat Ahli Majlis Tertinggi AUEGCAS Malaysia Bil. 1/2025 Sesi ke 8-2022/2025





*15 Mac 2025*

## Sesi libat urus bersama Bahagian Pengurusan Hartanah Putrajaya

*7 Mac 2025*

**Alhamdulillah AUEGCAS Malaysia berperanan bersama didalam sesi ini. Diwakili oleh Sdra Asman Hj Mohd Nawawi, Presiden dan Sdri Suraya Ibrahim, Bendahari AUEGCAS Malaysia.**



## ‘TAK KENAL, MAKA TAK CINTA’

**Alhamdulillah, tahniah AUEGCAS Terengganu berjaya merekrut keahlian baru yang ramai. Tak kenal maka tak cinta, dah kenal baru tahu hati budi perjuangan yang tiada titik noktah perjuangan. Itulah AUEGCAS. Terima kasih SUK Terengganu, YBhg. Dato' Dr Adnan Mat Presiden CUEPACS Malaysia, SUA, Naib Presiden Timur dan Bendahari AUEGCAS Pusat serta AJK AUEGCAS Terengganu.**



*27 Februari 2025*



## Kejohanan Bowling 'Lontor-Lontor Aje' AUEGCAS Perak 2025

*23 Februari 2025*

**Terima kasih YBhg. Dato' Dr. Adnan bin Mat, Presiden CUEPACS Malaysia, YBhg. Sdra Asman bin Hj Mohd Nawawi, Presiden AUEGCAS, Sdra Mohd Fadzli Muhammad Anuar Pengerusi AUEGCAS Johor, Sdra Mahadhir bin Abidin, Penolong Setiausaha Agung AUEGCAS dan Sdra Rahmat, AJK AUEGCAS Johor yang turut bersama.**

